

'Kami berbesar hati jika Dr. Mahathir rasmi panti'

Daripada **SYHRIL A. KADIR**

GUNUNG SITOLI (PULAU NIAS) 26 Okt. — "Kami sangat berbesar hati

sekiranya bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat datang ke panti asuhan kami seterusnya merasmikan bangunan yang sudah dibuat pengubahsuaian ini.

"Bukan apa, bangunan ini didirikan atas sumbangan rakyat Malaysia juga," kata Penolong Ketua Panti Asuhan Al-Wasliyah, H. Abdul Hayyum.

Menurutnya, setakat ini Pembangunan semula panti berkenaan yang dimulakan sebaik sahaja menerima dana lebih RM60,000 daripada pembaca prihatin *Utusan Malaysia* beberapa bulan lalu berjalan lancar dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember ini.

Tambahnya, ia meliputi pembaikan bahagian bilik tidur, tandas, ruang makan dan juga bahagian dapur panti asuhan berkenaan

Selain itu, kata Abdul Hayyum, pagar bangunan tersebut yang runtuh akibat gempa bumi Mac lalu juga sudah dibina, sekali gus memberi tahap keselamatan pada penghuni itu dari ancaman pencuri dan binatang liar seperti anjing dan khinzir yang sering berkeliaran di waktu malam.

Menurutnya, sebaik sahaja menerima wang sumbangan tersebut, pihaknya terus berusaha mencari bahan binaan yang diperlukan dan memulakan kerja-kerja pembaikan dengan bantuan tenaga kerja tempatan.

Hidup selesa

"Walaupun kalau diikutkan kami lebih suka satu kompleks anak yatim yang baru didirikan, namun ini tidak bermakna kami hanya duduk berpeluk tubuh dan mengharap saja bantuan kewangan mencurah masuk.

"Pendek kata, kalau sikit kita buat cara sikit dan begitulah sebaliknya, yang pen-

ting matlamat utama kita ialah untuk melihat anak-anak yatim ini hidup selesa dan berpeluang menikmati kehidupan seperti kanak-kanak lain," katanya.

Mengenai bantuan daripada kerajaan, beliau mengakui ada menerimanya tetapi jumlahnya agak terhad memandangkan kerajaan juga mempunyai banyak komitmen lain yang perlu diberi perhatian.

Mengulas mengenai perancangan untuk membina kompleks anak yatim, Abdul Hayyum berkata, kalau boleh, pihaknya mahu asrama dan sekolah didirikan dalam satu kawasan yang sama bagi memudahkan kanak-kanak itu menuntut ilmu.

Sekarang ini, menurutnya, kanak-kanak itu perlu berjalan agak jauh untuk ke sekolah dan keadaan menjadi lebih menyedihkan bila berlaku hujan lebat.

Namun begitu, katanya, ia bukan sesuatu yang perlu dibuat secara tergesa-gesa kerana yang penting keperluan asas panti asuhan berkenaan mesti diutamakan terlebih dahulu. — *Utusan*